

26.6.1981.

Perhimpunan UMNO

HARI yang dinanti-nantikan oleh setiap anggota UMNO di seluruh tanah air kini telah tiba. Hari ini ialah hari Perhimpunan Agung UMNO yang ke 32. Perhimpunan kali ini tidak kurang hebatnya dari perhimpunan 35 tahun lalu apabila UMNO ditubuhkan untuk memperjuangkan hak-hak dan masa depan orang-orang Melayu di tanah airnya sendiri. Perhimpunan ini menarik perhatian kerana ia adalah perhimpunan sebuah parti yang telah mengasaskan perjuangan kemerdekaan negara di samping menjadi tunggak parti Barisan Nasional yang memerintah negara. Selain itu pemilihan pucuk pimpinan UMNO juga adalah penting dan menjadi tumpuan kerana di bahu yang berjaya nanti akan terletak tanggungjawab menguruskan negara bagi menghadapi dekad 80-an yang mencabar ini. UMNO telah memainkan peranan yang berkesan selama ini dan tentunya dengan mandat baru dari para perwakilan, pasukan pucuk pimpinan UMNO baru di bawah Presiden barunya, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, tidak akan mengecewakan setiap aspirasi orang-orang Melayu khususnya dan lain-lain rakyat negara ini amnya untuk terus meletakkan negara tercinta ini sebagai sebuah negara maju yang boleh menjadi contoh kepada lain-lain negara.

Memang kehangatan kempen-kempen, oleh penyokong-penyokong calon, untuk kerusi Majlis Tertinggi, Naib Presiden dan Timbalan Presiden parti masih membahang namun adalah menjadi harapan semua, bahawa ini tidak akan menggugat keinginan berfikir para wakil bagi menumpukan perhatian kepada lain-lain isu yang masih dihadapi oleh negara dan rakyat keturunan Melayu. Dalam mana-mana kempen pemilihan, akan berlaku satu suasana berpuak-puak untuk menyatu dan memperkukuh pengaruh tetapi masih menjadi harapan ramai agar semangat perpaduan dan penyatuan yang wujud sebelum pemilihan itu dapat disepadukan semula, setelah keputusan diketabul, demi keutuhan dan perpaduan parti. Perkara sedemikian bukanlah satu perkara baru dan dari sinilah maka semangat pertandingan mengikut lunas-lunas demokrasi dapat dipelihara dengan sebaik-baiknya. Dirasakan ahli-ahli UMNO tidaklah dhaif dalam hal ini tetapi telah matang dan dewasa dengan fikiran yang waras. Keutuhan UMNO tidak akan tergugat kerana pengalaman lalu telah mencerdikkan mereka dari melakukan sesuatu yang tidak menguntungkan parti.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia